

TAMADUN MELAYU: MASA DEPAN

Masyarakat yang bertamadun ialah masyarakat yang berpaksikan akidah yang mantap, keluhuran undang-undang islam, kemakmuran yang diredhai oleh Allah dan akhlak umat yang tinggi. Untuk mencapai kecemerlangan masa depan dalam tamadun melayu, khasnya masyarakat Malaysia perlu mengejar untuk menjadi suatu masyarakat murni yang bersih dari sampah sarap kebendaan, rasuah, penyelewengan dan akhlak yang buruk. Situasi ini amat bersesuaian kerana dalam dua, tiga tahun ini telah berlaku beberapa cetusan idea di kalangan masyarakat melayu iaitu masyarakat berilmu, budaya berfikir dan Malaysia Baru. Menurut Kassim Ahmad (1994), Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah merancang kita dengan visi wawasan 2020. Masa depan ke arah mencapai impian wawasan 2020 ini dapat dicapai melalui beberapa faktor. Pertama dasar dan falsafah negara, kedua bentuk masyarakat yang hendak dibina ketiga wawasan yang hendak di tuju dan keempat usaha ke arah membina 'masyarakat madani'. Masyarakat madani adalah masyarakat yang bersih dari segala bentuk, syirik dan bentuk jahiliah.masyarakat. Masyarakat melayu pada hari ini ialah barangkali digambarkan sebagai pramasyarakat madani iaitu keadaan sebelum masyarakat madani. Namun tidak mustahil menjelang wawasan 2020 nanti, masyarakat melayu lebih bertamadun dalam erti kata yang sebenarnya.

Untuk mencapai masyarakat yang cemerlang pada masa depan, kita memerlukan bimbingan dari Ilahi. Bangsa melayu telah mmenganut agama islam sejak kerajaan melayu iaitu 500 tahun dahulu. Daripada Al-Quranlah kita harus mencari panduan untuk menghindari bangsa melayu daripasa terhapus serta untuk membangunkan tamadun baru

bangsa dalam abad ke 21.¹ Selain itu , untuk membangunkan sebuah tamadun Malaysia Baru dalam abad ke 21, pemimpin dan rakyat kita mestilah kembali berpegang pada ajaran Al-Quran yang telah bertanggungjawab membangunkan tamadun dan empayar Islam dari abad ke sembilan hingga ke abad ke 13. dalam Al-Quran Tuhan memberi contoh raja Mesir atau firaun yang dianggap sebagai tuhan oleh rakyatnya, dan tuhan itu menghancurkan mereka akhirnya. Demikian kita mesti mengambil iktibar bahawa kita wajib berpegang teguh dan tunduk kepada Allah dan tidak boleh tunduk pada sesiapa selain Allah. Faktor inilah boleh menjadikan tamadun melayu cemerlang di masa depan.

Gambaran masa depan tamadun melayu masih lagi kabur. Cebisan masa depan itu samalah rupa seekor gajah yang cuba digambarkan oleh enam orang buta. Orang yang memegang ekor gajah tidak sama dengan orang yang meraba telinga gajah. Usaha untuk bertindak merebut peluang masa depan itu menjadi tidak keruan.² Oleh itu, kita memerlukan gambaran yang lengkap tentang realiti dan kaedah-kaedah bertindak merebut peluang masa depan. Dalam mencapai tamadun abad 21 adalah dipengaruhi oleh keupayaan manusia meneroka, membangun dan menggunakan manipulasi, sekurang-sekurangnya 20 tahun teknologi teras secara produktif dan optimum. Di samping itu, pemimpin negara Malaysia juga haruslah mempunyai keinginan dan daya usaha untuk memsifestasikan kewujudan generasi masa hadapan yang mempunyai ciri-ciri pemimpin seperti yang diimpikan oleh Umar Ibn Al-Khattab. Kejayaan wawasan 2020 banyak bergantung kepada kejayaan pemimpin masa kini yang membina generasi pelapis yang bermutu untuk mencapai kecemerlangan di masa hadapan. Suria Janib (1996),

¹ Kata –kata ini dipetik melalui tulisan Kassim Ahmad iaitu *Masa Depan Bangsa Melayu*, Dewan Masyarakat 1994 m/s 24.

² Seperti gambaran Alvin Toffler dalam *future shock*. Iaitu boleh jadi kejutan demi kejutan, akan menghingapi seorang rakyat negara ini menjelang 2000 hingga 2020.

mengatakan bahawa contolahlah Imam Ghazali dan Imam Syafie untuk cari ilmu dan ilmu itu dimanfaatkan untuk generasi akan datang.

Masyarakat melayu juga perlu mengalami transformasi yang radikal iaitu pembaharuan melayu dalam konsep maju dalam “acuan sendiri” seperti yang berteraskan prinsip dan nilai-nilai dasar agama dan budaya kita sendiri.³ Walau bagaimanapun dari segi kata lain, proses pembaharuan ialah satu proses yang berterusan yang harus dialami oleh setiap umat yang ingin mengemaskinikan diri, sesuai dengan pembaharuan zaman. Jadi dalam hubungan inilah umat melayu harus menghadapi perubahan bagi menghadapi cabaran ke 21. Masyarakat melayu sekarang juga perlu bijak menggunakan kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan negara dalam memajukan diri sendiri dan masa depan Malaysia. Falsafah ini ada dijelaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad yang berucap semasa merasmikan pelancaran Putrajaya pada 25 Ogos 1993. Kecemerlangan tamadun melayu semakin berkembang apabila wujudnya projek raksasa Koridor Raya Multimedia yang diumumkan pada akhir tahun 1996 yang menjadikan kawasan yang dilengkapi infrastruktur, perundangan, dasar dan amalan yang memungkinkan firma-firma multimedia menerokai dunia maklumat tanpa sempadan.

Di samping itu juga, dalam pemerinthan negara Malaysia, masyarakat melayu sudah mempunyai pentadbiran yang cekap iaitu mempunyai jentera pentadbiran yang boleh dibanggakan. Ia bukan sahaja cekap, disiplin dan produktif tetapi bermutu tinggi dan setanding dengan jentera pentadbiran di negara-negara maju. Dengan wujudnya masyarakat melayu yang bersatu padu, sentiasa memelihara moral dan etika serta

³ Seperti di dalam surah Al-Rad ayat 11, “ sesungguhnya Allah tidak merubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu merubah apa yang ada pada dirinya”.

masyarakat liberal dan bertolak ansur, maka tidak mustahil suatu hari nanti negara Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bertamadun. Jikalau di zaman penjajah Inggeris, anak melayu menjadi petani, pegawai rendah, tetapi sekarang sudah berubah menjadi ketua jabatan saintis, actuarist, ahli fizik nuclear, pakar bedah dan pakar dalam pelbagai bidang serta menjadi ahli korporat. Inilah masanya untuk membuktikan kepada dunia bahawa orang melayu boleh menjadi pengurus yang cekap dan baik serta mampu membangunkan kegemilangan tamadun Islam.

Selain itu, sains dan teknologi juga merupakan teras utama kepada pembangunan sesebuah bangsa melayu menjelang tahun 2020. keadaan ini dapat dilihat apabila komputer bukan lagi menjadi barangan mewah, tetapi keperluan harian manusia di masa hadapan.⁴ Kekuatan teknologi terletak kepada pembangunan sumber tenaga manusia. Justeru itu, masyarakat melayu perlu menjadikan Malaysia sebagai negara penyumbang kepada sains dan teknologi dan bukan hanya pengguna kemudahan itu menjelang tahun 2020. Hasrat pembangunan ini tidak dapat di laksanakan, jika masyarakat melayu tidak mempunyai prinsip hidup yang mantap berteraskan sistem nilai yang murni, beradab dan berakhlak mulia. Sejarah telah menunjukkan bahawa negara dan tamadun ada pasang surutnya iaitu yang jatuh dan bangun sepanjang masa pemerintahannya. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia dan rakyatnya mengkaji status pasang surut sesuatu tamadun agar dapat rakyatnya menjadikan iktibar untuk kemantapan pembangunan tamadun melayu dan negara Malaysia pada masa akan datang.

⁴ Di petik kata-kata Fathi Aris Omar dalam *tulisannya menjengah abad ke-21*.Majalah Tamadun (1996) m/s 49.

Rujukan

- Abd Shukur Harun. (1996,Oktober). Menjengah abad ke-21. *Tamadun 10*, 47-49.
- Ahmad Najdudin Asis. (1994). Pentadbiran yang cekap. <http://www.com.upm.edu.my>
(13 Julai.2001).
- Fathi Aris Omar. (1996,Oktober). Menjengah abad ke-21. *Tamadun 10*, 47-49.
- Dr Mohd Yusuf Haji Othman. (1994,Februari). Teknologi dan industri :cabaran pembangunan negara. *Risalah 2*, 28-29.
- Dr Mohd Yusuf Haji Othman. (1994, April). Unsur-unsur pembinaan tamadun manusia cemerlang. *Risalah 4*, 34-35
- Dr Siddiq Fadhil.(1994, Februari). Perlukah watak melayu baru?. *Risalah 2*, 42-43
- Dr Siddiq Fadhil. (1994, April). Membentuk generasi bermutu abad ke-21. *risalah 4*,
26-27.
- Kassim Ahmad.(1994,Mac). Masa depan bangsa melayu. *Dewan masyarakat 3*, 24-26

<http://tatabahasabm.tripod.com>